

Najib mahu tawar lebih banyak produk, perkhidmatan 1 Malaysia
The Malaysian Insider
20 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 20 Dis – Lebih banyak produk dan perkhidmatan bersifat 1 Malaysia akan dibangunkan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk rakyat sebagai membuktikan bahawa gagasan itu bukan satu falsafah semata-mata, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata rakyat pada hari ini menghargai sumbangan kerajaan dan ini diluahkan melalui pelbagai medium.

“Kita boleh senaraikan Klinik 1 Malaysia, Kedai Rakyat 1 Malaysia, Menu Rakyat 1 Malaysia, Bantuan Rakyat 1 Malaysia (sebagai perkhidmatan yang disediakan),” katanya semasa berucap pada majlis pemberian dekoder Astro secara percuma untuk pakej “njoy”, di Projek Perumahan Rakyat Cochrane Perkasa di sini hari ini.

Menyentuh pemberian dekoder Astro itu, Najib berkata: “Kita akan perbanyakkan lagi produk seperti ini.”

“Biarlah kita gunakan perkhidmatan ini untuk kebaikan kita semoga rakyat Malaysia akan terhibur selain mendapat maklumat terkini,” katanya dipetik Bernama Online.

Najib menarik perhatian bahawa dunia kini memihak kepada golongan yang mempunyai akses kepada maklumat.

“Mana-mana kumpulan masyarakat yang terpinggir daripada akses pengetahuan ‘real time’, mereka berada dalam keadaan ‘disadvantaged’ dan akan gagal bersaing dalam dunia hari ini,” jelas Perdana Menteri.

Beliau berkata kerajaan tidak mahu rakyat kurang berkemampuan terus tertinggal dalam memperoleh pengetahuan, dan siaran “njoy” itu direka untuk memberi pengetahuan, hiburan dan pendidikan kepada 50,000 keluarga termasuk penduduk di Sarawak dan Sabah.

“Yang saya amat tertarik hati dengan langkah Astro ini ialah kerana dalam memberi akses kepada 37 saluran televisyen dan radio, pihak pengguna akan dapat saluran yang menyediakan program bersifat hiburan dan di samping itu, ada beberapa saluran yang menyediakan kandungan bercorak pendidikan, terutama sekali kepada anak-anak di bangku sekolah,” katanya.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-mahu-tawar-lebih-banyak-produk-perkhidmatan-1-malaysia/>